

**BAB VI**  
**PEMBAHASAN KARYA B.M. SYAMSUDDIN**  
**DALAM BENTUK CERPEN**

**6.0. Pengenalan.**

Pada bab ini penulis akan membincangkan karya-karya B.M. Syamsuddin dalam bentuk cerpen. Penulis merasa perlu ini untuk dibahas kerana cerpen atau cerita pendek beliau cukup unik dalam penampilannya. Selain itu penulis juga akan melihat apakah pengarang berubah dalam stail? Apakah perubahan yang sangat jelas terlihat setelah tiba masa teknologi canggih ini atau dilanda oleh kemajuan zaman sekarang? Ataupun beliau masih memegang stail yang lama.

Hal ini penulis merasa perlu untuk diketengahkan dalam kajian ini, sebab kalau nak ditengok dari tajuk yang ada, sudah mengarah pada cerita moden, selain itu penulis juga akan mengambil bandingan antara cerita pendek dengan romannya dan cerita rakyat yang beliau tulis, adapun tajuk cerita yang dijadikan sebagai sandingan dalam kajian ini adalah cerita pendeknya yang bertajuk: "Jiro San Tak elok Menangis", "Dan Sele<sup>h</sup>Sailah", "Pemburu Rusa Sepanjang Pipa", "Batam Pemburuan", "Taikong", "Gadis Berpalis", dan "Cingkeh Pun Berbunga Di Natuna".

## 6.1. Kajian Intrinsik

Kajian intrinsik dalam cerita pendek karya B.M. Syamsuddin yang akan penulis bahas adalah kajian yang ada dalam cerita itu sendiri, dalam maknanya adalah kajian yang membangun unsur cerita. Unsur-unsur itu terdiri daripada, tema, alur, watak tokoh/penokohan, set ( latar ), gaya pengarang dan hubungan sistematis antara tokoh.

### 6.1.1. Tema.

Pada kajian-kajian terdahulu, seperti yang terdapat dalam bab II dapat diambil suatu kesepakatan bahawa tema merupakan persoalan pokok dari sebuah cerita atau persoalan yang ada dalam fikiran pengarang yang dituangkan dalam bentuk tulisan. Mengenai karya dalam bentuk cerpen ini terdapat tema yang sangat unik.

Sebelum menentukan tema dalam cerita pendek karya B. M. Syamsuddin ini tentu terlebih dahulu harus melihat perbincangan-perbincangan yang terdapat dalam cerita tersebut. Seperti yang penulis kemukakan dalam sinopsis, persoalan-persoalan yang terdapat dalam cerpen cerpen B.M. Syamsuddin banyak berhubungkait dengan kritik sosial, tentang keadaan masyarakat, tentang kerosakkan lingkungan, tentang percintaan

pemuda dan pemuda, tentang kemelaratan penduduk, dan tentang pengambilan hasil alam yang semena-mena.

Persoalan-persoalan tersebut dapat disimpulkan atau ditentukan sebagai tema sentral daripada cerpen-cerpen B. M. Syamsuddin adalah "Keseimbangan Hidup dalam pergaulan dan lingkungan". Tema sentral ini dapat dibuktikan dengan dialog-dialog tokoh ataupun dengan fikiran-fikiran B. M. Syamsuddin sendiri dalam memberikan pendapat. Untuk pembuktiannya marilah dilihat beberapa kutipan di bawah ini.:

"Setiap pagi pergi mengajar, beliau mengenakan songkok padang warna hitam mengkilat, berbaju kot kancing lima dan kragnya tegak hingga ke batas bahu. Bercelana pantolan putih sewarna kot, dikanji keras dan diseterika licin sampai bersembilu dibubung betis. Pada kantong kiri diporos dada kot nampak menguntai-untai rantai perak mengkilat, arloji saku dan setiap setengah jam sekali arloji itu ditarik, tangan cikgu Gadang pun menarik lonceng tembaga, seraya mengguncang-guncangnya. ( Jirosan Tak elok Menangis 1997:3 )

Kutipan di atas nampak suatu penggambaran keadaan kehidupan seorang guru yang selalu menjaga keseimbangan, baik dalam tugas sebagai Cikgu, mahupun dalam mendidik kedisiplinan waktu, yang menjadi tumpuan adalah kedisiplinan diri Cikgu tersebut.

Dilihat dari keadaan Cikgu, maka beliau tidaklah berasal daripada daerah itu bermakna tidaklah penduduk tempatan beliau pendatang dari daerah luar pulau Natuna, tetapi dalam pergaulan beliau boleh mengimbangnya sehingga beliau menjadi contoh bagi masyarakat tempatan, selain itu Cikgu Gadang juga pandai dalam mengimbangi pergaulan di kalangan.

“Selesailah semua tugasku tegas, ketegasan terhadap atasan, sifatku terbawa-bawa pula oleh kebiasaan sebagai guru ilmu pasti alam dan matematika bidang pelajaranku berpuluh-puluh tahun lalu. Syukurilah, balas sarjana ilmu administrasi pendidikan itu sambil menatap wajahku, dalam sekali tatapannya, hingga tak berkedip.’ Biji matakam tak berkedip terseret seperti itu juga, seakan-akan tertikam tajam kemuka atasan ku, sekaligus kawan kerja senasip, guru sekolah dasar diperbantukan pada lowongan administrasi diluar propesi edukatif ( Dan Selesailah 1997: 23)

Kutipan di atas menggambarkan bahawa pendapat pengarang dalam cerpen ini merupakan, keseimbangan dalam pergaulan yang dilakukan tokoh dalam pergaulannya sehari-hari di tempat kerjanya. Keseimbangan di sini adalah menyalurkan pekerjaan dengan kemampuan yang tidak pernah dilakukan tokoh, yang hanya berpengalaman dalam mengajar dan berpendidikan sebagai seorang guru ilmu alam dan matematik. Sekarang ditugaskan sebagai staf administrasi di kantor, ditambah atasannya lebih muda daripada tokoh sendiri.

Kedaaan demikian membuat aku, (panggilan tokoh) untuk menahan emosinya dari sinilah pengarang berpendapat untuk membuat cerpennya bertema “ keseimbangan hidup dalam pergaulan dan lingkungan” penulis berpendapat dari kutipan di atas kita dapat merasakan bahwa keseimbangan hidup dalam pergaulan sangat perlu, makna yang tersimpan dalam pendapat pengarang, merupakan kritikan pada atasan, supaya atasan tahu akan pakarnya seorang bawahan dan meletakkan pada tempat yang sesuai dengan kepakarannya.

“Bersamaan dengan terbitnya mata hari pagi Darus diiringi Busu dan Sentul berucap serentak” “Bumi Sakai telah meletus ! sambil menarik langkah seribu, berlari sekencang kencangnya pulang kepemukiman mereka Sakai Kedayan mandi angin pedalaman Bukit Keramat”.  
( Pemburu Rusa Sepanjang Pipa 1997: 32 )

Kutipan di atas mengatakan bahwa betapa jujurnya masyarakat Sakai yang ada di Riau, sambil mencari nafkah mereka juga menjaga keseimbangan alam, mereka gelisah jika ada bumi ini ganjil dari biasanya, mereka akan memberitahu pada penduduk kampung lainnya, sanak keluarga, handai taulan. Mengikuti kepercayaan mereka hal seperti dalam kutipan di atas adalah bala bencana yang datang daripada “ atas”.

Kutipan itu dapat diketahui bahwa akibat perbuatan manusia moden yang ingin menguasai tanah atau bumi ini sehingga tidak peduli akan

kerusakan, tidak peduli akan kesengsaraan orang lain, kesusahan orang lain. Sepatutnya Darus, Sentul dan Busu sudah hendak membawa rusa pulang ke rumah mereka, namun setelah melihat kejadian tersebut dan rusa masuk ke dalam lumpur panas dan hilang, mereka tidak jadi membawa hasil buruannya, rupanya rusa itu masuk ke dalam lubang bumi yang bocor. Bagi puak suku Sakai Kedayan gas bumi yang bocor merupakan bala sangat besar yang harus diimbangi dengan upacara tradisional.

Dapatlah disimpulkan bahawa alam dan kalangan perlu dijaga keseimbangannya, jangan sampai hancur dan rosak, kerana yang hidup di bumi ini bukan sahaja kita, tetapi masih banyak makhluk Allah yang memerlukannya. Kutipan di atas dapat ditelaah bahawa B.M. Syamsuddin juga termasuk pada pemerhati lingkungan, sehingga tema yang penulis tetapkan dapat terbukti.

B. M. Syamsuddin berusaha menerobos ketempangan sosial yang ada dalam lingkungan masyarakat dengan karya-karya cerpennya seperti cerpen yang bertajuk "Batam Perburuan". Batam yang dahulu hanyalah sebuah pulau yang tidak terpelihara, yang disebut dengan Pulau Segantang Lada, yang hanya dijadikan tempat persinggahan sementara. Namun dengan adanya sekumpulan orang kaya yang hendak membangun pulau itu, maka sekarang

menjadi pulau rebutan, tempat perdagangan yang sangat strategi tempat berburu harta dan kekayaan.

Nampaklah ketimpangan atau kepincangan sosial yang sangat jauh daripada kesejahteraan, kerana rakyat atau masyarakat tempatan, masih mencari nafkah dengan peralatan yang sangat tradisional, yang hanya penghasilan cukup, sementara penduduk pendatang mempunyai penghasilan yang berlebihan, sehingga masyarakat tempatan semakin ketinggalan daripada semua segi. Batam sekarang tidak sama dengan Batam dahulu, sekarang kedai bertingkat dan rumah teras merebak berdiri megah, namun yang memiliki hanyalah orang kaya dari masyarakat pendatang.

Tidak adanya keseimbangan dalam kehidupan, maka pengarang menuangkan pendapatnya dengan mengambil contoh tokoh yang ingin memiliki rumah kedai di Batam, walaupun dengan harga yang sangat tinggi sekali, kalau nak diukur dengan kemampuannya maka tidak mungkin tercapai. Mata pencariannya hanyalah seorang nelayan tradisional, sementara itu ada peristiwa lain yang ditampilkan oleh pengarang iaitu seorang masyarakat pribumi atau tempatan yang ingin membeli beras untuk hidup sehari-hari sahaja ia tidak sanggup, sehingga ianya menjual tanah pusakanya, ini jelas tergambar dalam petikan berikut;

“Nah pasal Koming berjualan tanah pusaknya itulah air Tanjung katung yang dahulu biru sekarang menjadi coklat” (Batam Perburuan 1997: 57)

“Ayah terpaksa menyebutnya, jelas Wak Dollah kepada Atan putra tunggalnya, dengan sangat murah nya tanah sekampung-kampung milik Koming di jual, tak satupun rumah mewah di Batam ini di belinya habis untuk beli beras, gula dan kopi sahaja, Tan-Atan...” ( Batam Perburuan 1997:57)

Kutipan di atas nampak sekali, betapa murah nya tanah yang dimiliki oleh masyarakat dibeli oleh pendatang, kemudian di atas tanah tersebut didirikan kedai dan kemudian dijual lagi dengan harga yang sangat tinggi. Kehidupan masyarakat pribumi semakin tersingkir ke tempat yang kotor di pinggir kota.

“Dia terpaksa menjawab kerana tidak tahan lagi perasaannya, setiap malam istirahat tidak melaut, terus menerus dihujani ayahnya dengan perkataan yang pedas, beliau masih memandang martabat Taikong dengan ilmu di dada, sanggup lolos berulang alik selat, mengeluarkan – masuk barang-barang toke tetap melebihi dari segala harkat dari kehidupan nelayan di pedesaan pantai.” ( Taikong 1997:62)

Cerpen yang bertajuk “Taikong” ini, cerpen yang mengisahkan pertentangan pendapat ayah dan anak. Satu sisi anak ingin memanfaatkan sumber alam sebagai sumber hidup, sementara ayah ingin anaknya mengikuti jejaknya menjadi Taikong, yang keluar masuk Selat dan laut untuk berniaga sehingga mendapatkan untung yang berlipat ganda.



Pertentangan hidup dan cara fikir antara anak dan ayah ini merupakan suatu peristiwa yang berhubungan dengan keseimbangan dalam komunikasi, bagaimana tindakan anak dalam menghadapi kehendak orang tua yang tidak sesuai dengan hati nurani.

Tema yang penulis tetapkan di atas adalah tema sentral daripada cerpen-cerpen karya B.M Syamsuddin. Nampaknya pengarang juga memasukan unsur agama iaitu, mati, rezeki, dan jodoh di tangan Tuhan dan rezeki itu tidak berpintu datangnya. Maknanya rezeki tidak mengenal masa, akan datang tanpa diduga-duga kerana itu rahsia Allah.

“Sampai hati abang meninggalkan kami, anak-anak masih kecil, sedangkan kebun kelapa tempat bergantung hidup telah punah ranah, ratap Siti Hamlah, semakin menjadi-jadi. Harapkan cengkik penggantinya yang membelantara, sekalipun setiap musim pasti berbunga belum tentu cukup untuk keperluan hidup, sedangkan untuk melunasi hutang makan sahaja belum pernah terselesaikan, setiap musim cengkik berbunga, hutang baru semakin menumpuk”  
( Cengkikipun Berbunga di Natuna 1997: 100 )

Ketempangan atau kepincangan hidup yang dialami oleh petani cengkik di Natuna cukup menyedihkan, ini disebabkan oleh pujuk rayu seseorang. Dahulu tanaman yang digalakkan atau disarankan pada masyarakat adalah tanaman kelapa, sehingga kehidupan masyarakat menjadi sejahtera dan berada. Sebutan pulau Natuna dan Anambas adalah pulau kelapa, kerana dari pulau ini banyak dihasilkan kopera atau kelapa kering.

Semenjak tanaman kelapa ditukar dengan tanaman cengkih kehidupan masyarakat menjadi merosot, hal inilah yang mendasari pengarang B.M. Syamsuddin untuk membuat karangannya dengan tema keseimbangan lingkungan yang harus dijaga. Jangan sampai tergoda oleh pujuk rayu seseorang yang akan menjerumuskan ke lembah kesengsaraan.

“Kami telah terjat, ...ya semakin terjat napas Siti Hamlah berpulun-pulun dengan perasaan, sementara bunga cengkih masih bertajuk di pohonnya, tawaran harga cukup manis bermadu, tetapi madunya pun belum pernah berseri sepanjang musim, sehingga pada hari-hari panen tiba, bunga cengkih Natuna Anambas tetap sahaja tidak berharga” ( Cengkih pun Berbunga di Natuna. 1997: 101)

Kutipan di atas nampak sekali bahawa sudah tidak adanya keseimbangan kehidupan dalam masyarakat Natuna, gambaran itu membuat suatu fenomena nyata bahawa hasil cengkih tidak dapat diharapkan, hutang yang belum terbayar. semakin banyak, kesengsaraan semakin kuat, anak-anak yang sekolah semakin kurang, tidak terbiayai oleh hasil bunga cengkih. Ini merupakan jeritan hati pengarang kerana pengarang berasal daripada daerah ini.

“Negeri berair, namun susah mendapatkan air minum”  
desis encik Tauran memalis pandangan kearah putrinya.  
Telaga –telaga di Dabok, untuk air mandipun rasa bergetah,  
tidak serap bersabun, disebabkan biji pasir timah” ( gadis  
Berpalis 1997: 107 )

Riau merupakan daerah perairan, namun ada beberapa daerah di Riau itu susah mendapatkan air bersih, ini disebabkan oleh perbuatan manusia, tidak mahu menjaga keseimbangan dan kelestarian alam seperti yang digambarkan oleh pengarang. Dabok adalah nama sebuah pulau yang terletak di gugusan Pulau Tujuh di Kepulauan Riau.

Dabok merupakan daerah penghasil timah yang cukup banyak, namun perusahaan yang menambang timah tidak mahu memperhatikan keseimbangan alam dan lingkungan, sehingga terjadi lobang-lobang bekas galian pasir timah yang mengandungi air yang membuat pantai susah dilewati.

Kedua demikian maka yang menjadi korban adalah rakyat, untuk mendapatkan air bersih dan bercocok tanam. Dengan bertemakan keseimbangan hidup dalam pergaulan dan lingkungan, pengarang mencuba menggambarkan kehidupan seorang gadis yang ada di daerah itu yang nama Sri Banun.

Penggambaran tokoh Sri Banun oleh pengarang, merupakan suatu yang sangat tepat dalam mengkritik persoalan sosial tersebut. Kehidupan tokoh merupakan kehidupan yang penuh dengan *komplikasi*,<sup>4</sup> tokoh dibayangkan seorang gadis cantik yang alami, yang semestinya melanjutkan studinya ke universiti, namun kerana suahnya kehidupan maka

dihurungkan niatnya, hidupnya diserahkan untuk membantu orang tua di rumah, salah satunya adalah mengangkat air.

Keadaan masyarakat dan ketempangan dan kepincangan sosial rupanya dapat dijadikan bahan untuk mendapatkan pendapat dalam membuat sebuah karya sastra. B. M. Syamsuddin merupakan seorang pengarang yang *otodidak* maknanya pengarang yang belajar sendiri tanpa ada pendidikan khusus. Mengangkat satu tema cerita dengan tajuk yang berbeza, dan boleh jadi mempunyai latar juga dapat disamakan, sehingga banyak daripada karya-karya B. M. Syamsuddin dapat dinikmati sebagai bahan hiburan dan penelitian.

#### 6.1.2. Alur/ Plot

Mengenai alur dalam cerpen-cerpen B. M. Syamsuddin, dapat dilihat bahawa pengarang dalam bercerita menggunakan alur lurus atau alur *episodik*, kerana pengarang menyajikan cerita seorang tokoh dengan cara *kronologis* atau urutan waktunya diatur sedemikian rupa sampai akhir cerita. Sangat jarang sekali pengarang menceritakan masa lalu tokoh, dan kenyataannya atau *konsekwensinya* pengarang tidak mempunyai stail yang berubah.

“Nelayan Bintang yang amat sangat tergantung dengan belas kasihan musim, harap keramahan ombak, menepuk begitu, seperti engkau Solong sampai tua kebangka tidak akan senang-senangnya, Wak Koming sambil mempermain-mainkan mata seraut tajam di lengannya, jangan hidup senang kaki jalanapun tak sempat tersinsing, hidup sehelai sepeninggalan, sampai kiamat dunia, cuba tengok aku ayah mu ini hah...” ( Taikong 1997: 62)

Daripada ceritanya ada yang kembali ke masa lalu, namun bukan bererti bercerita tentang masa lalu, tetapi hanya sekedar kenangan sepiintas yang tidak dapat dikatakan sebagai penggunaan alur songsang atau alur bolak-balik yang dapat digolongkan pada alur non episodik.

“ Wan Itah tersentak, dendang sayang yang telah dilantunkan oleh suaranya sendiri telah mengembalikan kenangan lima belas tahun silam, terbayang-bayang di ruang matanya, dengan lagu inilah Wan Ahmadi almarhum ayahnya bersenandung setiap malam terang bulan purnama, mengembang di pesisir Timur Sumatera” ( Wan Itah 1997 : 71 )

Pengarang selalu mengambil permasalahan yang dialami tokoh, dengan demikian pengarang baru mulai menceritakan komposisi tokoh dan menceritakan masalah konflik, kemudian dilanjutkan dengan komplik dan terus pada penyelesaian yang dapat disebut juga dengan jalan keluar daripada suatu cerita, dalam cerpen-cerpennya pengarang membuat jalan keluarnya dengan tidak mematikan tokoh tetapi selalu dengan pengajaran dan nasihat sebagai contoh lihat kutipan di bawah ini.

“Perjalanan jauh sudah ditempuhnya, hari itu meninggalkan kami murid satu-satunya terpusaka. Hendak cucur juga air mata ku ketika itu, tapi beliau sudah lama memperingatkan supaya aku jangan menangis untuk mengantar segala kepedihan” ( Jirosan Tak Elok Menangis 1997:9 )

Kutipan di atas merupakan salah satu contoh pengarang dalam “menyelesaikan” cerita atau mengakhiri cerita dengan memberikan nasihat pada sang tokoh. Jalan keluar seperti ini sangat jarang dimiliki oleh pengarang lainnya, bentuk nasihat yang diberikan oleh pengarang pada pembacanya adalah sebuah nasihat orang tua pada anaknya.

### 6.1.3. Perwatakan Tokoh

Kajian perwatakan tokoh, penulis tidak akan membahas satu-persatu daripada watak tokoh yang ada dalam setiap tajuk cerpen, namun di sini penulis tentu akan menyampaikan atau mengkaji bagaimana stail pengarang dalam menempatkan tokohnya, apakah sesuai dengan karya-karyanya yang lain ?.

B. M Syamsuddin sangat memegang teguh stailnya bahawa tokoh dalam cerita itu secara garis besar ada dua iaitu tokoh antagonis dan protagonis, maknanya tokoh jahat dan tokoh baik. Hal inilah yang dipakai dalam setiap karya-karyanya. Pengarang mengambil tema daripada masalah tempangan dan kepincangan sosial, tentu ada tokoh yang membuat

ketempangan atau kepincangan itu terjadi dan tokoh yang menjalani ketempangan atau kepincangan tersebut.

Penggambaran tokoh di sini bukanlah dialami oleh seseorang atau individu atau dilakukan oleh orang - perorang tetapi dilakukan dengan cara berkelompok atau keluarga sebagaimana kutipan di bawah ini:

“Semasa bunga cengkih belum tiba, saat memetikinya pada penghujung tahun lalu, harga pasaran cukup tinggi diumbar-umbar kekampung-kampung. Sekilo cengkih tujuh ribu lima ratus rupiah, selain tauke K.U.D. (koperasi Unit Desa) pun menabur angin yang serupa. Diantara mereka itu ada yang bermurah hati meminjamkan modalnya”  
(Cengkihpun Berbunga di Natuna 1997:101 )

Kutipan di atas yang menjadi tokoh antagonis adalah kelompok tauke dan KUD, yang menebar isu tentang harga bunga cengkih cukup tinggi, sehingga yang dimaksud pengarang dalam kata menyemai modalnya adalah memberi hutang untuk mengikat petani atau keluarga petani, sehingga hutang tidak dapat terbayar lagi, maka petani terpaksa menjual bunga cengkih tahun depan pada mereka, sehingga harga boleh dipermainkannya.

“Tapi...lho, Tauke A Hong sambil memainkan simpoha, berkata lagi” soal harga , seperti surat akhir pekan lalu dari tauke besar di Semarang bukan tujuh ribu lima ratus perkilo, melainkan tiga ribu dua ratus rupiah itu harga akhir ( Cengkihpun Berbungan Di Natuna 1997 : 104 )

Perlakuan tauke terhadap keluarga Siti Hamlah memang cukup baik, mahu menjamin keperluan keluarga Siti Hamlah, tapi itu adalah politik dagang, dengan harapan bunga cengkik tahun akan datang. Persoalan hidup yang ada pada masyarakat di kepulauan Natuna merupakan penindasan pada masyarakat petani cengkik, yang dilakukan oleh para tauke dan KUD. B. M. Syam sangat pandai menanggapi masalah ini sehingga secara tidak langsung dapat merasakan kesulitan masyarakat sebagai tokoh protagonis.

“ Sampai terbenam mata hari di balik bukit barisan, letupan bumi Sakai Kedayan sekitar Duri Minas, belum henti-hentinya juga, puas sudah mereka bertolak bala memuji-memuja Puan Saleh minta selamatkan lingkungan mereka namun letupan menyembur-nyembur terus sahaja”

“ Tak apa-apa... semuanya telah diperhitungkan, tidak akan berbahaya” seorang petugas petugas memberitahukan, kita menyedot minyak bumi dengan injeksi uap air, guna meningkatkan produksi, kata petugas. Tetapi Sakai Kedayan semakin bertindih – tindih kebingungan. Nila Sori berbisik-bisik lagi ketelinga Darus pemburu Rusa kekasihnya. “ Akan punahkah bumi Sakai Kedayan Bang?( Pemburu Rusa Sepanjang Pipa 1997: 42 )

Kutipan ini menggambarkan, harapan tokoh protagonis iaitu kerabat Suku Sakai Kedayan, supaya mereka mempunyai tempat tinggal yang damai dan aman, agar mereka dapat hidup tenteram di kalangannya, Tokoh protagonisnya ( Sakai Kedayan ) merasa terganggu oleh pipa-pipa minyak yang melewati perkampungan mereka, sehingga ada daripada pipa minyak tersebut bocor dan menimbulkan kegaduhan daripada kalangan masyarakat suku Sakai Kedayan.



Kemudian daripada itu, pihak antagonis juga banyak merugikan kalangan suku Sakai Kedayan ini, dimaklumkan kerana haiwan buruan terganggu habitatnya, oleh hiruk pikuknya bunyi mesin pengeboran minyak, sehingga medan perburuan semakin jauh kedalam hutan.

#### 6.1.4. Latar

B. M. Syamsuddin adalah orang yang dilahirkan dan dibesarkan di daerah kepulauan atau pesisir laut, sebagai insan yang banyak bergelut dengan laut maka kehidupannya selalu dilatar belakangi dengan alam laut, sehingga cerita yang dibuatnya selalu berlatar atau mempunyai set alam laut dan pantai

“Langit cerah tidak berawan selayangpun, mekar merayap embun subuh di lembah Bintang laut teduh meliyang-liyang, sesaat lagi matahari terbit, dikala itu Awang Solong menurunkan perahunya, dengan serempang serta keranjang, dilengkapi dengan penangguk ikan-ikan di kolong. Nelayan yang tidak hendak menjadi taikong sebagai mana diharapkan Wak Koming ayahnya itu agak bergegas pergi meninggalkan kolongnya. ( Taikong 1997 : 65 ).

Dalam penggambaran latar, pengarang mempunyai stail yang khas sekali kerana ianya tahu akan nama-nama alat dan kegunaannya daripada setiap peralatan kalangan masyarakat pantai. Dari penggambaran latar sahaja kita sudah dapat mengetahui bahawa pengarang memang sudah berkecimpung lama di kalangan pantai atau nelayan.

“Diperbukitan melatarbelakangi perkampungan mereka, pohon-pohon karimunting membelukar tanpa warna kesuburan, jauh dihadapan perkampungan kaum pensiun itu, laut luas terbentang, camar pagi hari melayang-layang di atas karang, kelihatan redup-sayup-sayup kedengaran cekikan suaranya, cekikik.....kiak...cekikik....kiak betapa cerianya. (Gadis Berpalis 1997 :108 ).

Penggambaran alam yang dibuat pengarang membuka atau menimbulkan suatu kenangan atau pandangan yang sangat indah, membangkitkan kesenangan dalam membaca, sehingga terlukis keindahan-keindahan nostalgia. Siapa yang tidak suka pantai, gunung, dan laut serta karangnya.

“Ricik senar mengikat lamban, malas sekali kelihatan melepaskan tikaman tunjang-tunjang bahari dan akar hawa pandan pundak pada peluang kepala barat bulan, september pantai utara Pulau Galang, seakan jemari perawan nada yang lentur, mempermainkan tali arus di Selat Tiung, yang mengalir tenang. Riaknya bagaikan gamit-gamik dengan pantai selatan Pulau Rempang diusap usap warna senja” (Debar Laut Galang 1997:169 )

Tokoh yang selalu dilatarbelakangi dengan laut mempunyai keperibadian yang kuat dan lembut seperti laut. Kuat seperti karang dan gelombang lembut seperti air. Penulis melihat bahawa pengarang dalam melukiskan *setting* memerlukan konsentrasi, kerana lukisan yang disajikan harus nyata dan menyamai serta mewakili keadaan masyarakatnya.

“Mataharipun pijar di langit Lagoi, sinarnya memanggag batu karang, dan pasir menghampar di pantai bagaikan terbakar, begitu panasnya, sehinggapercikan pasir kuarsa menghias gemerlap berkaca-kaca, pantulan cahaya menebar kemilau keperakan, memandikan warna pepohonan nyiur yang menyilau pandangan mata” ( Nong Nora 1997:177)

Nyata sekali bahawa pengarang tidak dapat melepaskan diri daripada kalangan pantai, laut, dan alam hutan yang damai, gambaran sinar mata hari yang ada di langit Lagoi yang memanggag batu karang jelas hanya ada di laut. Untuk memulai cerita, pengarang terlebih dahulu memberikan latar dimana cerita atau peristiwa itu terjadi.

#### 6.1.5. Gaya Pengarang

Kajian mengenai gaya pengarang sangatlah rumit dan berbelit, oleh sebab itu kita dihubungkan dengan disiplin ilmu *stilistika*, kerana ilmu ini adalah ilmu yang mempelajari gaya bahasa dalam cerita, maknanya bagaimana pandangan pengarang terhadap tokoh, apa simbol tokoh oleh pengarang, bagaimana bahasanya dan lain-lainnya.

Cerpen karya B. .M. Syamsuddin banyak terdapat simbol-simbol yang dihubungkan dengan tokoh. B. M. Syamsuddin mempunyai gaya tersendiri dalam menyampaikan pendapat. Gaya yang dipunyai oleh pengarang adalah, dalam menyampaikan pendapat pengarang selalu menggunakan dialog tokoh, selain itu pengarang juga mempunyai gaya bercerita pada pembaca.

Gaya bercerita inilah yang membuat karya-karya dapat difahami sedemikian rupa oleh pembaca. Ini jelas terlihat dalam petikan di bawah ini;

“Tiba-tiba jeblos, kweek, bunyi tubuh tercebur kedalam lumpur dan lengkengan rusa sekali terpekik sahaja. Hah....Darus merenggangkan tangannya, tangkai kojor mendarat kesamping isyarat berhenti berlari. Mereka mematung dibatang pipa, nyaris tidak percaya dengan pengamatan matanya, apa lagi setelah melihat dihadapan mereka itu lumpur mencuat-cuat naik ke atas, pohon-pohon kayu berguncang-guncang, semburan lumpur semakin gaduh mendesah-desah pula” (Pemburu Rusa Sepanjang Pipa 1997: 31)

Kutipan di atas merupakan bukti bahawa pengarang menggunakan gaya bercerita. Gaya bercerita pengarang membawa kita pada keadaan yang sebenarnya. Ini berhubung kait dengan latar belakang sebagai seorang guru dan anak tunggal.

“Bulan Mai diambang minggu depan gaji Pak Bujang diputuskan pembayarannya, agak tersedat-sendat suara redup kepala seksi, yang ditirukan bendaharawan berkata. Iyak Pak Bujang ada surat penegasan dari Pe-ka-pe-en dan dikukuhkan surat dari kantor Kotamadya. Pak Bujang sudah pada usia pensiun lima puluh enam tahun yang maksimal, tidak dibayar gaji lagi selaku pegawai negeri, pada bulan Mai minggu depan dan selanjutnya. Justru jatuh pada hari pendidikan, sedikit nanar katanya. Sekalipun S.K pensiun dari Departemen Pendidikan Kebudayaan Jakarta belum turun, tanpa SK sudah diberhentikan membayar gaji?. Sejenak kami sama terdiam, terbias angin siang, butir-butir keringat kasar sebesar biji jagung sama gerimis di wajah kami bertiga” ( Dan Selesailah 1997:24 )

Dialog yang penulis paparkan di atas merupakan suatu bukti bahawa B. M. Syamsuddin dalam menyampaikan pendapatnya dengan menggunakan dialog tokoh. Pendapat ini disampaikan dengan dialog yang bermakna seorang tokoh yang bernama Pak Bujang dihentikan pembayaran gajinya kerana sudah dianggap tua, tanpa ada surat perintah pencen, menjelang surat perintah pencen tiba Pak Bujang tidak mendapatkan apa-apa. Hal serupa ini dapat dianggap penzaliman terhadap seorang manusia apa lagi yang dizalimi itu adalah orang tua tanpa upaya.

“ Fikiran bergumul, diantara selaksa gugatan keluarga sebagai penumpang sedang kulayari ikut bersama merapat kedermaga pelabuhan itu, bernama pensiun pegawai negeri, bergoyah-goyah jembatan jika diinjak beramai-ramai sebab sebelum terbit S.K pensiun sebagai penumpang hidup gaji telah dimatikan” ( Dan Selesailah, 1997: 26 )

Kegetiran seperti itu yang dirasakan Pak Bujang dalam hidupnya, dan inilah pendapat daripada pangarang supaya, keadaan ini tidak dirasakan oleh orang lain serta jangan terjadi pezaliman seperti ini lagi. Tokoh antagonis di sini adalah pihak pemerintah, sementara protagonisnya adalah keluarga Pak Bujang.

“ Aku mesti membeli ruko di Pulau Batam kata Wak Dollah kepada Cik Milah isterinya. Mengapa tidak membeli rumah mewah di Batam Center sahaja ? Cik Milah mengerinyit seraya mencibir” hem...cik wai...cik wai” (Batam Pemburuan, 1997: 53 )

Persaingan dalam mengejar kebendaan antara masyarakat tempatan dengan masyarakat pendatang semakin nyata sahaja, kutipan di atas merupakan gambaran keinginan seorang masyarakat tempatan yang ingin membeli rumah kedai di Batam, sedangkan ia tidak mempunyai duit yang cukup kerana dia hanya seorang nelayan miskin, yang sudah tua juga. Kemelut di dalam hati tokoh diceritakan oleh pengarang dengan gaya khasnya.

#### 6.1.6. Hubungan Sistemik Antara Tokoh..

Hubungan tokoh yang terjadi dalam cerpen karya B. M. Syamsuddin ini adalah hubungan yang timbal balik iaitu hubungan tokoh satu sama pentingnya dengan tokoh lain hubungan di sini sangat *kohorensi* sekali, sebagai contoh dapat dilihat hubungan sistemik antara tokoh dalam cerpen bertajuk "Cengkihpun Berbunga di Natuna


Pada mulanya keluarga Haji Dollah dan Siti Hamlah hidup dengan sejahtera dan tanpa dibebani oleh hutang, ini semua berkat tanaman kelapa yang dijadikan kopera atau kelapa kering. Kesejahteraan dan kekayaan keluarga ini dapat menyekolahkan adik-adiknya ke Pulau Jawa.

Dengan bersekolah ke pulau Jawa adik-adik Haji Dollah banyak mendapat pengetahuan dan informasi, dan ini disampaikan pada Haji Dollah. Mendengar berita bahawa harga cengkik melambung tinggi di pulau Jawa, fikiran Haji Dollah berubah, untuk menukar tanaman kelapa dengan tanaman cengkik.

Setelah semua pohon kelapa yang ada di kebun ditebang dan diganti dengan pohon cengkik maka, tak lama kemudian Haji Dollah meninggal dunia. Penukaran tanaman pohon kelapa ketanaman pohon cengkik banyak dituruti oleh masyarakat setempat, dengan beberapa alasan tertentu ada yang mengatakan kerana pohon kelapa sudah tua, ada yang mengatakan ingin mendapat hasil yang lebih dan sebagainya.

Namun apa yang terjadi setelah cengkik berbunga di Natuna, harganya dikuasai oleh tauke dan orang-orang tertentu. Cengkik tidak mendatangkan untung malah menjadi rugi dan menambah hutang rakyat pada tauke dan orang-orang tertentu, hidup rakyat semakin susah.

Hubungan tokoh dalam cerpen ini selalu digambarkan dengan sebab dan akibat sebab permasalahan itu timbul disebabkan oleh tokoh lain dengan tokoh lain. Secara ringkas dapat kita gambarkan sebagai berikut:



Keterangan

- |      |               |                                  |
|------|---------------|----------------------------------|
| HD   | sama dengan   | Haji Dollah                      |
| SH   | .....,, ..... | Siti Hamlah                      |
| ADK  | .....,, ..... | Adik                             |
| ANK  | .....,, ..... | Anak-anak                        |
| CA   | .....,, ..... | Cina Aoh                         |
| HD X | .....,, ..... | Haji Dollah Meninggal dunia/mati |

Hubungan sistematis antara tokoh yang tergambar di atas merupakan contoh daripada salah satu cerpen B. M. Syamsuddin, yang diambil dari cerpen yang bertajuk "Cengkihpun Berbunga Di Natuna". Model yang digunakan pengarang dalam membentuk hubungan antara tokoh, merupakan model



dalam konteks sebab akibat, maka penulis menemukan model yang sama dalam setiap cerpennya.

## 6.2. Kajian Ektrinsik

Memperbincangkan masalah *ektrinsik* dalam sebuah karya sastra, sesuatu yang sangat rumit dan susah, kerana berhadapan dengan falsafah dan lingkungan hidup seorang pengarang, yang didasari dengan nilai-nilai luhur yang ada dalam dirinya. Nilai-nilai itu meliputi nilai sosial, budaya, ekonomi dan religius.

Kajian ini hanya memperbincangkan kajian *ektrinsik* dalam cerpen karya B. M. Syamsuddin yang ditinjau daripada nilai sosial dan budaya sahaja. Nilai ini merupakan gambaran tentang keadaan masyarakat yang ada di kalangan daerah pantai di Kepulauan Riau.

Karyanya yang berbentuk cerpen ini, dibuat pengarang dengan menggambarkan kehidupan masyarakat yang banyak mendapat kesusahan, kesedihan, dan selalu dibayangi dengan kehidupan yang serba tertindas, makna tertindas adalah dengan adanya didirikan perusahaan atau kilang yang tidak mahu memperhatikan lingkungan, sehingga akibat dan kesan buruknya masyarakat juga yang merasakannya.

Tuntutan yang ingin ditegakkan oleh pengarang adalah menegakkan keadilan dan meningkatkan nilai kemanusiaan. Perlakuan semena-mena terhadap rakyat mulai daripada mempermainkan harga, zarahan hak masyarakat, pengambilan bahan tambang tanpa batas, orang tua memaksakan kehendak pada anaknya.

Dilihat daripada kajian budaya, cerpen karya B. M. Syamsuddin, menggambarkan keadaan tradisi kebudayaan dalam kehidupan masyarakat kepulauan, kerana pengarang tahu akan cara-cara penggunaan alat-alat, letak posisi rumah, tata cara mata pencarian.

Kajian tentang kehidupan budaya yang ada dilingkungan pesisir dapat dibincangkan, terutama kehidupan keluarga tokoh, misalnya adanya budaya lelaki memakan sireh, kebanyakan wanita hamil mengidamkan makanan laut, bagaimana cara menangkap ikan duyung, dan lainnya, selain itu pengarang juga membudayakan, bahasa Melayu lama, seperti kelong ( batas antara tanah dengan lantai rumah yang bertangga tinggi) Cuban (jarum pembuat jala/jaring) kolek ( Sampan kecil ) dan lain-lainnya, dalam cerpen beliau tergambar juga keinginan orang tua yang ingin membudayakan keberanian untuk mengarungi laut, di sini terlihat bahawa orang Melayu itu bukanlah suku yang penakut atau pemalas namun sebaliknya adalah suku yang berjaya dan kaya.

Keberanian mengarungi lautan luas dengan mengambil hasilnya yang melimpah ruah serta hasil kebun yang tak pernah punah, namun dengan timbulnya zaman globalisasi dan modenisasi, maka semakin pudarlah kebudayaan di atas, namun bukan sampai di situ sahaja, sekarang timbul budaya baru iaitu budaya hutang. Budaya hutang yang dimaksud adalah budaya yang diterapkan oleh kaki tangan pemerintah dengan cara meminjamkan wang dengan janji-janji manis yang diberikan kepada masyarakat petani atau nelayan

Jeritan-jeritan hati B. M. Syamsuddin yang ada dalam cerpennya merupakan suatu fenomena hidup yang ingin diubahnya. Gambaran perwatakan tokoh yang ada dalam karya cerpennya adalah pemberontakkan atau kemelut batin yang memilukan, kehilangan pegangan hidup, kehilangan budaya merupakan kehilangan jati diri sebagai manusia Melayu, rumpun Melayu, dan sebagai bangsa Melayu yang pernah menjadi raja di lautan biru.

### 6. 3. Penutup

Setelah penulis membincangkan cerpen-cerpen karya daripada pengarang B. M. Syamsuddin ini, maka penulis merasa perlu untuk memberikan suatu kesimpulan atau penegasan daripada kajian di atas,

terutama sebagai *apresiasi* terhadap kajian ini. Kesimpulan yang penulis temui dan sarankan adalah, sebagai tema sentral daripada cerpen karya B. M. Syamsuddin adalah “Keseimbangan Hidup Dalam Pergaulan Dan Lingkungan (kalangan)”. Perwatakan tokohnya terbahagi dua iaitu “Antagonis dan Protagonis” yang dilakonkan dengan perseorangan mahupun kelompok. Mengenai alur yang digunakan dalam cerpen B. M. Syamsuddin adalah alur lurus atau alur yang *episodik*, sesuai dengan urutan waktu (masa) yang kronologis.

Gaya yang digunakan pengarang dalam cerpennya adalah bercerita dan penceritaan, maknanya adalah cara pengarang dalam menyampaikan pendapat itu ada berbentuk cerita dan ada dengan cara penceritaan (menceritakan). Hubungan sistematik antara tokoh, merupakan hubungan sebab akibat, kerana pengarang selalu menghubungkan antara tokoh yang satu dengan tokoh lainnya. Kajian *ektrinsiknya* meliputi kajian sosial budaya iaitu kajian diambil dari gambaran kehidupan masyarakat Melayu yang serba kompleks, yang mempunyai nilai budaya. Gambaran ini merupakan gambaran tradisional sekalipun ditinjau juga dari gambaran moden.